

Aktiviti RBT mengasah pemikiran kritis murid

Harian Metro (lokal) 4/9/22 (Ahad) m/s 10

Pekan: Pendidikan berkaitan reka bentuk teknologi (RBT) yang lebih kepada aktiviti bermain dianggap paling sesuai untuk murid di sekolah rendah.

Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Profesor Madya Dr Hamdan Danyal berkata pembelajaran cara berkenaan turut dapat mengasah pemikiran kritis murid untuk menyelesaikan setiap masalah dihadapi.

Menurutnya, RBT juga berupaya menarik minat murid terhadap bidang sains yang menjurus aktiviti kajian dan pembuatan.

"Saya menyokong usaha Kementerian Pendidikan Malaysia mewujudkan mata pelajaran RBT di peringkat sekolah rendah di negara ini yang sesuai untuk murid tahun lima serta tahun enam.

"UMP sentiasa berusaha membantu pihak sekolah yang berminat untuk mendalami kemahiran dalam bidang robot menerusi program robot di semua peringkat," katanya.



PERTANDINGAN reka cipta Lego.

Beliau yang turut terbabit dengan pertandingan robotik peringkat sekolah rendah daerah Pekan berkata, dengan adanya UMP di daerah ini seharusnya mendedahkan kesan kepada sekolah rendah di daerah ini terutama dari sudut menyuburkan program Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM).

Seorang guru, Shahrulnizam Suhadi, 42 yang mengajar mata pelajaran RBT di SK Pelak, murid memang meminati aktiviti menghasilkan robot dengan menggunakan Lego.

Menurutnya, untuk menghasilkan robot murid perlu berfikir sebelum dapat menghasilkan binaan yang diinginkan menggunakan peralatan tersedia.

"Saya mengajar mata pelajaran RBT sejak tiga tahun lalu, setiap minggu saya perlu berhadapan dengan 33 murid tahun empat hingga tahun enam.

"Perasaan puas terasa apabila melihat murid berjaya menghasilkan pelbagai jenis robot, dengan tunjuk ajar diberikan mereka mampu mencipta sesuatu yang diinginkan," katanya.